

SYEIKH TAHIR JALALUDDIN

Nur Ifah Nazua Binti Abdul Ghani¹
Nurul Ain Natasha Binti Che Azman²
Nurul Syahidatul Atiqah Binti Ridzuan³
Dr.Maisarah Binti Saidin

¹Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
Malaysia,(Email: ifahnazua@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
Malaysia,(Email: natashaazman@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
Malaysia,(Email: atiqahridzuan_29@raudah.usim.edu.my)

Abstrak: Kertas kerja ini membincangkan tentang kehidupan ulama' nusantara terkenal iaitu Syeikh Tahir Jalaludin yang memberi sumbangan besar terhadap perkembangan ilmu. Beliau yang lahir di Indonesia menamatkan pengajian di Timur Tengah telah menetap di Tanah Melayu. Namun begitu, biografi Syeikh Tahir Jalaludin kurang dikenali dalam kalangan generasi muda pada masa ini. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis biodata Syeikh Tahir Jalaludin dan sumbangannya dalam pendidikan Islam kepada masyarakat sejagat. Penulisan ini menggunakan metode histografi dan data turut diperolehi melalui pembacaan literatur yang relevan dengan rumusan permasalahan kajian. Hasil kajian merungkaikan kemahiran Syeikh Tahir menjadi pencetus dalam mengaplikasikan kajian Al Quran dan Hadith dengan ilmu tamadun terutamanya ilmu falak moden dalam penulisan fiqh di zamannya.

Kata kunci: *Syeikh Tahir Jalaludin,Pemikiran Syeikh Tahir Jalaludin,Ilmu Falak,Tokoh Ilmu Falak,Kitab Pati Kiraan*

Pengenalan

Konsep ilmu falak ialah sebuah ilmu yang membahas tentang orbit benda-benda langit terutama Matahari, Bumi, dan Bulan, memiliki peran penting dalam penentuan waktu ibadah. Pokok kajian dasar yang dibahas meliputi perhitungan awal bulan Qamariyah, waktu salat, arah kiblat, dan perhitungan gerhana Matahari dan Bulan. (Siti Muslifah,2013). Para ulama muslim pada zaman dahulu telah berjaya mengembangkan Ilmu falak ini sejak abad pertama hijrah lagi dan yang lebih pentingnya lagi pada waktu itu, kepentingan praktis menjalankan perintah-perintah agama yang sangat berkaitan dengan waktu, seperti salat, puasa, dan haji sangat dititiberatkan dan dikaji dengan lebih mendalam kerana ianya merupakan ilmu yang baru kepada masyarakat ketika itu. Dan dibuktikan lagi dalam hadis nabi:-

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا وَلَكِنَّ الْبِرَّ "مَنْ اتَّقَى وَأَتَى الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَابِهَا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ"

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: "(peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khasnya ibadat Haji. Dan bukanlah perkara kebajikan: kamu memasuki rumah dari bahagian belakangnya (ketika kamu berihram) akan tetapi kebajikan itu ialah perbuatan orang yang bertaqwa; dan masuklah ke rumah (Kamu) itu melalui pintunya, serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya." (Al-Baqarah:189)

Pada abad pertengahan dengan perkembangan astronomi Islam juga telah menunjukkan betapa majunya peradaban Islam dengan lahirnya tokoh-tokoh besar. Salah satunya iaitu Sheikh Tahir Jalaludin yang merupakan seorang tokoh ulama yang terkenal di Nusantara dengan kepakarannya dalam ilmu falak. Oleh itu, penulisan ini ditulis atas dasar keinginan yang mendalam untuk mengetahui sejarah latar belakang serta sumbangan-sumbangan beliau.

Penerangan Al-Quran Dan Hadis Mengenai Ilmu Falak

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا وَلَكِنَّ الْبِرَّ "مَنْ اتَّقَى وَأَتَى الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَابِهَا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ"

(Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: "(peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khasnya ibadat Haji. Dan bukanlah perkara kebajikan: kamu memasuki rumah dari bahagian belakangnya (ketika kamu berihram) akan tetapi kebajikan itu ialah perbuatan orang yang bertaqwa; dan masuklah ke rumah (Kamu) itu melalui pintunya, serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya"). Al-Baqarah:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

Dialah yang menjadikan matahari bersinar dan bulan bercahaya, dan Dialah yang menetapkan tempat-tempat orbitnya, agar kamu mengetahui bilangan tahun, dan perhitungan (waktu). Allah

tidak menciptakan demikian itu melainkan dengan benar. Dia menjelaskan tanda-tanda (kebesaran-Nya) kepada orang-orang yang mengetahui. (Yunus:5)

ان خيار عباداللهالذين يراعون الشمس واقمر لذكراله

“Sesungguhnya hamba-hamba Allah yang baik adalah mereka yang selalu memperhatikan matahari dan bulan untuk mengingat Allah” (HR.At-Tabrani).

Ali bin Abi Thalib berkata:

من اقبس علما من النجوم من حملة القران ازداد به ايمانا ويقينا

“Barangsiapa mempelajari ilmu pengetahuan tentang bintang-bintang (benda-benda langit), sedangkan ia dari orang yang sudah memahami Al-Qur’an niscaya bertambahlah iman dan keyakinannya”.

عن عبدالله بن عمر ورضي الله عنه قال : ان النبي صلعم قال : وقت الظهر اذا زالت الشمس وكان ظل الرجل كطوله ما لم يحضر العصر, ووقت العصر ما لم تصفر الشمس, ووقت صلاة المغرب ما لم يغب الشفتي, ووقت صلاة العشاء الى نصف الليل الاوسط, ووقت صلاة الصبح من طلوع الفجر ما لم تطلع الشمس (رواه مسلم)

Dari Abdullah bin Amar ra : berkata : Sesungguhnya Nabi SAW bersabda waktu zuhur apabila tergelincir matahari, sampai baying-bayang seseorang sama dengan tingginya, yaitu selama belum datang waktu ashar. Dan waktu ashar selama matahari belum menguning. Dan waktu magrib selama syafaq belum terbenam (megah merah). Dan waktu shalat isya sampai tengah malam yang pertengahan. Dan waktu shubuh mulai fajar menyingsing sampai selama matahari belum terbit”.

Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan kualitatif, yang melibatkan kajian kepustakaan dengan teknik pendokumentasian terhadap kitab sebagai sumber primer, serta sumber sekunder berupa penulisan dan penelitian berkaitan Syeikh Tahir Jalaluddin dan idea-ideanya, serta sebagaimana sumber lain seperti al-Quran dan hadis yang boleh dikaitkan dengan kajian kita. Dalam kajian ini, kami menggunakan strategi sistematik yang melibatkan pencarian pangkalan data internet seperti Google Scholar, ProQuest, ResearchGate dan Elsevier untuk literatur subjek "sheikh Tahir Jalaludin" dan "sumbangan." Untuk menemui artikel yang berkaitan, kami menggunakan perkataan dan frasa seperti "biodata," "karya penulisan" dan "ilmu falak," antara lain. Hasil yang kami temui berfungsi sebagai panduan untuk membuat kajian ini.

Subtopik

Biografi

Syeikh Tahir Jalaluddin merupakan seorang ulama terkenal di Tanah Melayu yang telah membawa arus perubahan. Beliau adalah seorang tokoh yang membawa paradigma islam terhadap perkembangan ilmu, intelektual, keperibadian serta ketokohnya sebagai seorang ulama dan nasionalis Melayu yang ulung. Beliau juga adalah seorang pelopor reformis sistem pendidikan islam di Tanah Melayu. Nama sebenar beliau ialah Muhammad Tahir bin Syeikh Muhammad dan beliau lebih dikenali dengan panggilan Syeikh Tahir Jalaluddin atau Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki (Nik Mohd Rosdi, 2011). Hari Selasa bertarih 4 Ramadan 1286 bersamaan 7 Disember 1869 di Emat Angkat (Amek Angkek), Bukit Tinggi Sumatera Barat merupakan tanggal dimana Sheikh Tahir Jalaluddin dilahirkan. Beliau berketurunan melayu

Minangkabau. Beliau juga digelar Syeikh Tahir Jalaluddin al-Azhari kerana dikaitkan dengan institusi pendidikan diaman beliau menuntut ilmu.

Ibu Sheikh Tahir Jalaluddin bernama Gandun Urai manakala bapanya iaitu Tuanku Muhammad merupakan seorang ulama Melayu Minangkabau yang terkenal dengan panggilan Syeikh Cangking dan faqih saghir. Datuknya Pula bernama Tuanku Ahmad Jalaluddin yang berasal dariada keturunan bangsawan Minangkabau. Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin telah dijemput ilahi pada tanggal 26 Oktober 1956 ketika berusia 87 tahun dan seusai sahaja menunaikan solat subuh (Tajuddin Saman 1993: 167).

Keluarga

Syeikh Tahir Jalaluddin merupakan anak sulung dan mempunyai empat orang adik beradik, tiga perempuan dan seorang lelaki. Adik beradik perempuannya bernama Aishah, Maryam dan Halimah. Manakala yang lelaki bernama Muhammad Amin (Bachtiar Djamily:13). Ayahnya telah meninggal dunia semasa beliau berusia dua tahun dan tinggal bersama ibunya sehingga ibunya pula meninggal dunia pada umurnya lapan tahun. Syeikh Tahir Jalaluddin kemudiannya menetap bersama ibu saudara sebelah ibunya yang bernama Limbak Urai dan suaminya Abdul Latif sehingga umur dua belas tahun kerana beliau telah menjadi yatim piatu ada awal usia kanak-kanak. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran pada umur 12 tahun di Mekah. Muhammad Tahir mempunyai seorang bapa saudara yang bernama Muhammad Saleh Datuk Baginda (Haji Bachtiar Djamily 1994: 13). Beliau merupakan seorang yang berpangkat besar dan sangat disegani di kawasan tersebut pada waktu itu.

Datuk kepada bapa Syeikh Tahir Jalaluddin dikenali sebagai Tuanku Muhammad atau digelar Tuanku cangking kerana bapanya Tuanku Ahmad Jalaluddin berketurunan orang kenamaan Minangkabau, dan susur galur keturunannya berbalik kepada Imam Bonjol (Haji Bachtiar Djamily 1994: 13). Manakala, datuk kepada ibunya bernama Tuanku Baginda Khatib yang merupakan pembantu Regent Agam Minangkabau pada tahun 1833-1863.

Syeikh Muhammad Tahir mempunyai sejarah perkahwinan sebanyak 6 kali tetapi hanya satu perkahwinan sahaja yang kekal hingga ke akhir. Lima perkahwinannya yang awal telah dilakukan di Minangkabau dan tidak dapat bertahan lama kerana keinginan dan permohonan masyarakat Minangkabau agar memperoleh keturunsn yang baik dalam kalangan kaum mereka (Ismail Mat 1992: 25). Isteri keenam Syeikh Muhammad Tahir bernama Aishah Binti Haji Mustafa dan Aisyah meruakan anak kepada seorang peniaga kain yang berketurunan Rawa dari Kuala Kangsar. Mereka berdua telah melangsungkan pernikahan pada 28 September 1899.

Syeih Muhammad Tahir dan isteri dikuniakan enam orang cahaya mata iaitu empat lelaki dan dua perempuan hasil daripada perkahwinan mereka berdua. Anak-anak lelakinya bernama al-Johary, Ahmad, Hamid dan Hamdan. Manakala, anak-anak perempuannya bernama Azizah dan Rahmah. Tun Hamdan Syeikh Tahir meruakan salah seorang anak beliau yang paling berjaya dan pernah memegang jawatan sebagai Naib Canselor Universiti Sains Malaysia pada tahun 1976-1982. Selain itu, beliau juga pernah dilantik menjadi Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang pada 1989-2000.

Pendidikan

Syeikh Tahir Jalaluddin melanjutkan pelajarannya di Mekah pada awal bulan Syawal tahun 1927 Hijrah bersamaan tahun 1880 Masihi (Ismail Che Daud 2012: 515) setelah diajak sepupu lelaki beliau yang bernama Syeikh Ahmad Khatib. Sepupu beliau adalah imam di Masjid al-Haram dan juga seorang pemimpin Mazhab Imam Syafie (Ismail Mat 1992 :22). Perjalanan menuntut

ilmunya bermula pada usia Syeikh Muhammad Tahir menjejak usia remaja dengan menaiki sebuah kapal laut untuk ke Jeddah dan memulai perjalanannya dari kampungnya yang terletak di Kota Tua dan seterusnya ke Pelabuhan Teluk Bayur sebelum beliau menaiki kapal laut.

Antara mata pelajaran yang dipelajari Syeikh Muhammad Tahir di Mekah ialah ilmu al-Quran, nahw, sarf, balaghah, badi, arudh, usul fiqh, matematik, handasah dan falak. Oleh sebab kecerdikan dan tahap penguasaan mata pelajaran yang tinggi, beliau telah dilantik sebagai seorang guru untuk mengajar di Masjidil Haram. Beliau juga mempelajari bahasa Inggeris dan Belanda sebagai persediaan menghadapi bangsa asing.

Syeikh Tahir Jalaluddin pergi ke Universiti Al-Azhar pada tahun 1893 untuk menuntut ilmu dan tamat belajar pada tahun 1897. Beliau mempelajari bidang matematik, bahasa arab dan ilmu falak sehingga berjaya mencapai ijazah Alimiyyah dan digelar al-Falaki kerana kemahirannya dalam bidang ilmu falak. Selepas itu, beliau kembali ke Mekah untuk mengajar disana selama 2 tahun. Ilmu falak telah diajar beliau ketika di Mekah dan juga beliau menyebarkan fahaman pembaharuannya kepada beberapa orang tokoh di Nusantara.

Setelah itu, pada tahun 1899 beliau pulang semula ke tempat lahirnya dan mengembara sebentar ke Singapura, Riau, Sumatera Timur dan Pulau Pinang untuk menyebarkan pembaharuan dalam kefahaman islam daripada apa yang telah beliau pelajari ketika di Mekah dan Mesir. Anak murid beliau terdiri dari Sumatera Barat dan Tanah Melayu. Syeikh Ahmad Khatib adalah guru kepada Syeikh Muhammad Tahir dan beliau berdua adalah sepupu. Selain itu, Syeikh Ahmad al-Fatani adalah guru beliau juga ketika menuntut ilmu di Mekah.

Sumbangan Dan Karya

Natijat al Umur, kitab ini diterbitkan pada tahun 1936. Kitab ini membincangkan tentang kira-kira untuk taqvim hijrah dan persamaannya dengan taqvim Miladi (Masihi), hala kiblat dan waktu solat untuk sepanjang zaman.

Tazkiratul Muttabi' al-Sunnah fi al radd 'ala al qaili bisunnati raka' atain qabla al Jumuat, kitab ini ditulis Syeikh Muhammad Tahir ketika berada di Mekah dan dikeluarkan di Pulau Pinang melalui Matba'ah Haji Abdullah Haji Mohammad Nordin al-Rawi pada tahun 1953. Kitab ini membincangkan tentang persoalan ibadah semasa umat islam di Malaysia, iaitu mengenai solat Jumaat. Objektif utama yang ingin disampaikan didalam kitab ini ialah nasihat untuk semua masyarakat meninggalkan amalan-amalan yang tidak berasaskan dalil dan seterusnya mengamalkan ajaran islam yang sebenar.

Tatimmu al Irshad al Haid fi ilm al Faraid, kitab ini dikeluarkan pada tahun 1952 di Singapura oleh Matbaah al Muhammadiyyah.

Pati kiraan pada menentukan waktu yang lima dan hal kiblat dengan logaritma, kitab ini diterbitkan pada tahun 1941. Kitab ini bertujuan sebagai panduan untuk menentukan waktu solat dan arah kiblat berserta logarithms untuk mengiranya.

Ini huraian yang membakar taman persuratan haji bakar, buku ini ditulis di Kaherah dan dicetak oleh al-Marbawiyah pada tahun 1993. Isi kandungan buku ini membantah karangan Tuan Guru Haji Abu Bakar bin Haji Hasan yang berkaitan dengan sembahyang sunat sebelum sembahyang jumaat.

Risalah penebas bidah di Kepala Batas, buku ini diterbitkan pada tahun 1953. Isi kandungan yang terdapat dalam buku ini berkaitan dengan pembantahan ajaran Qidyani.

Al-Qiblah fi nushushi ‘ulamais Syafi’iyah fi ma yata’allaqu bi istiqbalil qiblatis syar’iyah manqulah min ummuhat kutubil mazhab, buku ini diterbitkan pada tahun 1951 di Taiping dan dicetak oleh Mathba’ah Az-Zainiyyah. Buku ini membicarakan tentang ilmu falak.

Pemikiran Syekh Tahir Jalaluddin Dalam Ilmu Falak

Penulisan kitab Pati Kiraan

Salah satu keistimewaan yang terdapat pada Sheikh Tahir adalah beliau merupakan ulama yang pertama yang menggabungkan unsur falak moden dan tradisional iaitu dengan menggabungkan teknik deskriptif dan kuantitatif. Pengkaji sejarah beliau juga ada yang menyatakan bahawa Sheikh Tahir adalah bapa astronomi Islam Malaysia.(Zakaria, Hafiz. 2017). Buktinya beliau telah menerbitkan penulisan dalam bahasa arab mengenai ilmu falak iaitu Kitab Pati Kiraan Pada Menentukan Waktu Yang Lima dan Hala Kiblat dengan Logaritma pada tahun 1937M. Baharrudin(2016) menyatakan bahawa kitab Pati Kiraan ini adalah merupakan manuskrip Melayu teragung kerana penggunaan kaedah logaritma dalam penentuan waktu solat dan arah kiblat. Menurut kajian yang dilakukan mengenai kitab ini, terdapat kaedah-kaedah yang digunakan oleh Sheikh Tahir dalam menentukan arah kiblat dan penentuan waktu solat antaranya

Kaedah Riḍwan Afandī

Kaedah pertama ini adalah kaedah yang berasaskan kepada formula segitiga sfera berdasarkan kaedah sinus (juyūb) yang diaplikasikan di dalam penggunaan jadual logaritma. Penyesuaian rumus kaedah ini dapat dilihat seperti berikut:

$$\sin \theta = \sin \Delta\lambda / (\sin p) \sin (90^\circ - \phi m)$$

Kaedah Abi Al-Fadl.

Kaedah yang lebih ringkas berbanding kaedah pertama. Sheikh Tahir mendapat kaedah ini ketika beliau melanjutkan pelajarannya di Mesir melalui gurunya yang mulia iaitu Sheikh Muhammad Abī al-Faḍl. Ia merupakan kiraan di kawasan-kawasan yang memiliki beza longitud dengan Mekah kurang dari 90° serta kawasan yang berada disebelah utara sahaja. Walaupun begitu, Sheikh Tahir telah melakukan usaha penambahbaikan terhadap kaedah ini sehingga kawasan yang berada di selatan dan yang memiliki beza longitude antara Mekah dan tempatan sebanyak 90° atau lebih dapat juga dikira. Arah kiblat boleh dicari menggunakan kaedah ini tidak kira sama ada ia kurang dari 90° atau lebih, Rumus untuk kaedah kedua ialah

$$A + \phi t = x$$

$$X = B$$

$$\log \sin B + \log \tan \Delta\lambda = y$$

$$Y - \log \sin (90^\circ - A) = \log \tan Q$$

$$\log \tan Q \rightarrow \text{nilai sudut } Q$$

Maka Q ialah sudut arah kiblat.

Kaedah Pelayaran/al-Bahríyyah

Kaedah terakhir ini diperolehi daripada buku-buku pelayaran yang digunakan oleh kapten-kapten kapal yang berlayar di lautan. Kepentingan kaedah ini digunakan oleh para kapten untuk mengetahui destinasi yang mahu dituju dengan lebih mudah dan terperinci. Beberapa pindaan dilakukan di dalam kaedah ini sehingga ia berhasil untuk digunakan dan tidak memiliki banyak perbezaan dengan dua kaedah yang terawal melainkan hanya perbezaan beberapa minit sahaja yang tidak ketara. Hal ini lah yang menunjukkan konsistensi ketepatan kaedah Sheikh Tahir. Kaedah ini juga mirip dengan analogi Napier. Analogi tersebut dapat membantu ingatan tentang trigonometri sfera dengan berasaskan alat yang dipanggil rod Napier.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian mengenai tokoh Islam ini di Tanah Melayu, dapatlah disimpulkan bahawa Syeikh Jalaludin ini banyak memberi manfaat kepada masyarakat kita pada harini. Perjalanan beliau dari zaman pendidikan, penghijrahan hingga kepada penghasilan kitab terkenal yang ditulis iaitu Pati Kitab Kiraan Pada Menentukan Waktu Yang Lima dan Hala Kiblat dengan Logaritma yang banyak memberi penelitian dan kajian kepada ilmu falak pada harini menunjukkan bahawa beliau adalah ulama Tanah Melayu yang wajar dikenali oleh semua masyarakat di Malaysia walaupun telah muncul seiringnya peredaran zaman pelbagai teknologi baru terutamanya dalam bidang ilmu falak.

Rujukan

- Abdul Hamid, F. @ A. F., & Abdul Malik, M. P. (2017). ANALISIS PENULISAN SYEIKH MUHAMMAD TAHIR JALALUDDIN DALAM KITAB TA'YID TADHKIRAH MUTTABI' AL-SUNNAH (Analysis of Writing of Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin in Ta'yid Tadhkirah Muttabi' Al-Sunnah). *Journal of Al-Tamaddun*, 12(1), 67–78. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol12no1.5>
- Amir, Mafri. Reformasi Islam Dunia Melayu-Indonesia (Studi Pemikiran, Gerakan dan Pengaruh Syeikh Muhammad Tahir Jalal al-Din 1869-1956). Jakarta: Universitas Islam Jakarta, 2008.
- Azhari, S. (2010). Perkembangan Kajian Astronomi Islam Di Alam Melayu. *Jurnal Fiqh*, 7(1), 167–184. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol7no1.8>
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Mohd Puaad Abdul Malik. “Analisis Penulisan Syekh Muhammad Tahir Jalaluddin dalam Kitab Ta'yid Tadkhira Muttabi' al-Sunnah.” *Jurnal al-Tamaddun*, vol. 12, no. 1 (2017), 67-78.
- M. A. Arwin Juli Rakhmadi Butar-Butar, Mengenal Karya-Karya Ilmu Falak Nusantara; Transmisi, Anotasi, Biografi (LKIS PELANGI AKSARA, n.d.).
- Mohamad Amin Abu Bakar (2011), “Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin (1869-1956M) Terhadap Perkembangan Fiqh di Nusantara”. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (Nun) IV, Ulama Pemacu Transformasi Negara, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Mohammad Ikhsan, S. R., Ahmad Zaki, N., & Ali, A. K. (2019). Penentuan Arah Kiblat Menurut Sheikh Tahir Jalaluddin dalam Kitabnya Pati Kiraan Pada Menentukan Waktu Yang Lima dan Hala Kiblat dengan Logaritma. *Jurnal Fiqh*, 16(2), 289–320. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol16no2.3>
- Muslifah, S. (2011). ANALISIS PEMIKIRAN SYEIKH MUHAMMAD TAHIR JALALUDDIN AL-MINANGKABAWI TENTANG PENENTUAN WAKTU SALAT DALAM KITAB PATI KIRAAN DAN AKURASINYA. <https://core.ac.uk/download/pdf/45430162.pdf>
- Muslifah, S. (2020). Pemikiran Syeikh Thahir Jalaluddin tentang Awal Waktu Shalat dalam Kitab Pati Kiraan. *Al-Marshad: Jurnal Astronomi Islam Dan Ilmu-Ilmu Berkaitan*, 6(2), 223–239. <https://doi.org/10.30596/jam.v6i2.5374>
- Osman, Khazri & Pensyarah, Kajian & Dakwah, & Fakulti, Kepimpinan & Islam, Pengajian & Ikhwan, Nazrul. (2022). PERANAN DAKWAH SYEIKH TAHIR JALALUDDIN KE ATAS PENJAJAH.
- Sya, Syahirah. (2017). Syeik Muhammad Tahir Jalaluddin bin Syeik Muhammad Al-Falaqih h h h. Hendri, H. (2019, November 13). TOKOH FALAK MINANGKABAU (STUDI PEMIKIRAN SAADOEDDIN DJAMBEK DAN TAHIR JALALUDDIN) | Hendri | *Islam Transformatif : Journal of Islamic Studies*.

Zainal, Baharrudin. "Ulasan Karya Falak Sheikh Tahir Jalaluddin." Seminar Keilmuan Falak 'Sheikh Tahir Jalaluddin dan Sheikh Abdullah Fahim': Perintis Ilmu Falak Moden, Pulau Pinang, 2005. Abdul Hamid, F. @, & Abdul Malik, M. P. (2017). Analisis penulisan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin Dalam kitab ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah. *Journal of Al-Tamaddun*, 12(1), 67–78. <https://doi.org/10.22452/jat.vol12no1.5>

Zakariyya, Hafiz. "Islamic Reform in Malaya: The Contribution of Shayk Tahir Jalaluddin," *Intellectual Discourse*, vol. 13, no. 5. (2005).

Zakariyya, Hafiz. "The Life and Times of Tahir Jalaluddin," *Jurnal Sejarah*, vol. 14 (2006), 99.

Zakariya, Hafiz. "Colonialism, Society and Reforms in Malaya: A Comparative Evaluation of Shaykh Tahir Jalaluddin and Syed Shaykh Ahmad al-Hady." *Intellectual Discourse* (2 0 1 7) , 4 7 7 - 5 0 1 .